IRANUN

SEJARAH DAN ADAT TRADISI

Datu Bandira Datu Alang

IRANUN

SEJARAH DAN ADAT TRADISI

SBH 5224
KOLEKSI SABAH

IRANUN

SEJARAH DAN ADAT TRADISI

PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Datu Bandira Datu Alang

Iranun : sejarah dan
SAB00005224
PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN DBP
Cawangan, Sabah.
No Kelas: 305.89923 BAN
No. Perolehan: KS 010691
Tarikh: 22.7.93 | T.T

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1992

KK 390 – 5562 5101

Penerbitan buku ini diusahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah dengan kerjasama Bahagian Penerbitan Am, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama 1992
© Datu Bandira Datu Alang 1991

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam Penerbitan

Bandira Datu Alang, Datu
Iranun : sejarah dan adat tradisi /
Datu Bandira Datu Alang.
ISBN 983-62-2600-1
1. Iranun – Social life and customs.
2. Indigeneous peoples – Sabah
3. Ethnology – Sabah.
I. Judul.
305.89923

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh
Malindo Printers Sdn. Bhd
Lot 3 Jalan Ragum, Seksyen 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
$ 5.50

KANDUNGAN

Pengantar vii
Penghargaan ix

Bab 1
Pengenalan 1

Bab 2
Iranun dan Islam 22

Bab 3
Iranun di Sabah 40

Bab 4
Adat Tradisi Iranun 50

Bab 5
Iranun Masa Kini di Malaysia 73

Bibliografi 91

Indeks 93

PENGANTAR

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah-Nya dan kurnia-Nya memberi tenaga dan fikiran kepada saya sehingga saya dapat menghasilkan buku tentang masyarakat Iranun ini. Berkat kesabaran dan kecekalan hati serta dorongan kawan-kawan dan anggota masyarakat Iranun sendiri, maka setelah melalui masa yang agak panjang (tiga tahun) dan menghadapi beberapa cabaran, akhirnya cita-cita saya yang pada mulanya saya sangka hanya impian telah menjadi kenyataan dengan berhasilnya kajian ini untuk tatapan masyarakat, khususnya masyarakat Iranun. Walaupun hasil kajian ini tidak mencakupi semua hal yang berkaitan dengan masyarakat Iranun, tetapi sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit gambaran tentang masyarakat Iranun dari sudut sejarahnya dan adat tradisinya.

Sesungguhnya, amat sulit untuk menulis sejarah sesebuah masyarakat, begitulah yang saya hadapi dalam menulis sejarah masyarakat Iranun ini. Menyusun semula butir-butir zaman silam yang samar untuk dijadikan tatapan masa kini bukanlah satu kerja yang mudah. Namun, usaha ini terpaksa saya lakukan sebelum kejayaan dan kegemilangan masyarakat Iranun ini pudar ditelan zaman. Dengan usaha saya ini diharapkan institusi dan tradisinya dapat dibekalkan untuk diwarisi oleh generasi akan datang. Kesedaran itulah yang menjadi landasan bagi saya dalam mengusahakan penulisan buku ini.

Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi merupakan satu kajian sejarah sosial dan adat tradisi masyarakat Iranun, dari zaman prakolonial, ke zaman penjajahan hinggalah ke era kemerdekaan kini. Namun demikian kajian ini bukanlah yang sulung. Sebelum ini telah terdapat

beberapa karya tentangnya yang ditulis baik oleh sarjana Barat, mahupun di kalangan orang tempatan sendiri. Bagaimanapun, olahannya amat subjektif dan ditulis berdasarkan perspektif penulisnya sendiri, yang melihat dari luar masyarakat Iranun. Oleh hal yang demikian, gambaran tentang masyarakat Iranun sering tersasar dan tidak begitu tepat. Ini terjadi kerana kejahilan mereka tentang nilai dan etika masyarakat tersebut kerana umumnya mereka bukan watan Iranun.

Dengan perasaan halus, rendah diri dan ikhlas saya membuat keputusan melaksanakan tugas ini. Saya yakin dan percaya hanya orang yang matang tentang tradisi dan resam serta terdidik dalam budaya sesuatu masyarakat itu sahajalah yang dapat menggambarkan dengan adil akan sejarah sosial dan nilai masyarakat tersebut. Kajian ini didasarkan kepada sumber primer. Cuma, apabila sumber primer meragukan, maka barulah sumber sekunder digunakan. Di samping itu, kajian ini juga dilandaskan kepada kaedah penyelidikan sejarah, iaitu melalui temu bual dengan tokoh dan informan yang tahu dengan mendalam akan masyarakat Iranun.

Matlamat utama penulisan buku ini ialah untuk menghurai semula sejarah masyarakat Iranun zaman lampau. Dipercayai bahawa masyarakat Iranun merupakan sebahagian daripada masyarakat Nusantara yang mempunyai sejarah gemilang dan anggun di rantau ini beberapa abad yang lampau. Kajian ini juga cuba menangkis atau membersihkan semua tohmahan yang negatif terhadap masyarakat Iranun, terutamanya oleh penulis-penulis Barat yang merakamkan sejarah masyarakat ini dengan titik-titik hitam. Dengan hal yang demikian, diharapkan moga-moga kajian ini dapat mengembalikan sejarah masyarakat Iranun yang sebenar dan menjadi titik tolak bagi masyarakat Iranun sendiri untuk mencintai, mengagumi, menyayangi dan meletakkan masyarakat mereka pada tingkat yang sewajarnya, insya-Allah.

DATU BANDIRA BIN DATU ALANG
KAMPUNG LIKAS,
KOTA KINABALU.

PENGHARGAAN

SAYA merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Manitua Saber, Dekan Pusat Penyelidikan, Mindanao State University atas segala nasihat, cadangan dan semakan terhadap draf manuskrip ini. Terima kasih yang sedalam-dalamnya juga dirakamkan untuk Datu Adek @ Datu Kelong bin Datu Dani yang tidak jemu-jemu memberi perangsang kepada saya supaya menghasilkan buku ini. Demikian pula kepada bonda saya, Puteri Gambar Sawasa yang senantiasa memberi galakan dan perangsang kepada saya; saya menjunjung kasih yang tidak terhingga. Penghargaan juga saya tujukan kepada Datu Mentek bin Datu Baru dari Teuku yang memberi kemudahan kepada saya untuk bertandang semasa di Teuku untuk mendapatkan bahan kajian ini. Kepada Alkesah bin Bidin yang banyak memberi pendapat bernas untuk kajian ini, Getawan bin Haji Yakub yang membantu menyediakan draf awal manuskrip, Nooraini binti Mallah dan Kamariah binti Achmad yang tidak jemu-jemu menaipkan semula manuskrip ini hingga selesai, kepada adinda-adinda saya, Bahi Tunganai binti Datu Alang dan Datu Mual Hassan @ Bantogen bin Datu Alang yang sering membantu saya mendapatkan bahan dan dokumen yang berkaitan dengan kajian ini, saya rakamkan penghargaan dan terima kasih. Akhirnya, yang tidak kurang penting, saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada isteri saya, Natrah binti Samat dan anakanda saya Puteri Nurul Nazahiah yang memahami tugas dan kedudukan saya sebagai penulis. Mudah-mudahan semua sumbangan mereka diberkati Allah.

DATU BANDIRA DATU ALANG

BAB I

PENGENALAN

ASAL USUL

Iranun ialah nama satu suku kaum yang dikategorikan sebagai penduduk bumiputera Sabah. Iranun bermaksud *berkasih-kasihan*. Yang dimaksudkan berkasih-kasihan di sini ialah wujudnya sistem hubungan sosial yang amat erat, yang terikat oleh tali persaudaraan yang amat intim, dilandaskan kepada sistem kerjasama dan gotong-royong.

Masyarakat Iranun juga dikenali dengan nama Iranon, Irranun, Illanun, Ilanun, Iranon-Meranao atau Meranao. Ada beberapa sebab mengapa masyarakat Iranun ini dikenali dengan beberapa nama. Misalnya, nama Iranun-Meranao timbul lantaran wujudnya hubungan yang amat rapat antara masyarakat Iranun dengan masyarakat Meranao, baik dari sudut bahasa, kebudayaan, adat resam, mahupun tatasusila dan yang sebagainya. Kedua-dua masyarakat ini sukar dibezakan. Bagaimanapun saya berpendapat bahawa istilah Iranun lebih tepat kerana masyarakat ini sendiri mengakui bahawa Iranun merupakan satu istilah yang sering digunakan apabila merujuk anggota masyarakat ini yang kini mendiami Sabah.

Melihat dari perspektif sejarah pula, dipercayai bahawa masyarakat Iranun berasal dari Pulau Mindanao di selatan Filipina. Suku kaum ini (Iranun-Meranao) mendiami dua kawasan utama: kawasan Tasik Lanao (dalam bahasa Iranun disebut, Ranao) dan kawasan Teluk Illana (dalam bahasa Iranun dikenali sebagai Teluk Illanun). Golongan yang mendiami kawasan Tasik Lanao dikenali sebagai orang Meranao atau Ranao sementara golongan yang mendiami kawasan Teluk Illana pula dikenali sebagai orang Iranun, yang juga

disebut sebagai Illanun (oleh beberapa penulis).

Bagaimanapun, Profesor Dr. Mamitua Saber, Dekan Pusat Penyelidikan, Mindanao State University, Filipina, yang juga seorang ahli sejarah, ahli budaya dan sasterawan yang saya temui semasa membuat penyelidikan ini berpendapat:

> Perkataan Illanun atau Iranun lahir daripada kesilapan sebutan yang dilakukan oleh orang Sepanyol untuk merujuk orang Meranao yang mereka panggil sebagai Meranao (dengan huruf 'e' pepet), yang bermaksud orang Ranao atau orang Tasik. Sementara para penulis berbangsa Inggeris, Belanda, Sepanyol dan lain-lain menggunakan perkataan Illanun untuk merujuk masyarakat Mindanao yang pada suatu ketika dahulu terkenal sebagai pedagang dan ahli pelayaran dari Filipina yang juga sebahagian daripada kepulauan Melayu.

Bagaimana wujudnya masyarakat Iranun di Sabah merupakan satu persoalan menarik. Ada pendapat yang mengatakan bahawa mereka memang berasal dari Pulau Borneo sendiri (hal ini akan dibincangkan dalam Bab 2), dan tidak kurang pula pendapat yang mengatakan bahawa mereka berasal dari Mindanao. Bagaimanapun, mereka yang mendukung pendapat ini tidak dapat membuktikan dengan sahih tarikh penghijrahan mereka, mahupun mengemukakan sebarang fakta yang mendorong mereka datang ke Sabah.

Penempatan masyarakat Iranun di Sabah lebih tertumpu di kawasan pesisir pantai, baik pesisir pantai timur mahupun pesisir pantai barat. Bagaimanapun kepadatan penduduk masyarakat Iranun ini tertumpu di kawasan Teuku dan Lahad Datu di pantai timur dan di kawasan Kudat dan Kota Belud di pantai barat. Masyarakat Iranun juga boleh ditemui di Kota Kinabalu. Tetapi, kehadiran mereka di ibu negeri Sabah ini lebih merupakan penghijrahan semasa dalam proses penghijrahan desa-bandar masa kini. Kawasan paling padat didiami oleh masyarakat Iranun ialah Kota Belud. Mereka merupakan suku kaum ketiga terbesar di daerah itu. Di samping Kota Belud yang merupakan daerah utama, orang Iranun terdapat di Lahad Datu, Kudat, Sandakan dan Kota Kinabalu.

Umumnya, masyarakat Iranun mendiami kawasan pesisir pantai dan kalaupun ada yang mendiami pedalaman, mereka masih dalam lingkungan 10–15 kilometer dari pantai. Mereka bertumpu di kuala-kuala sungai dan membina rumah secara rapat-rapat. Inilah ciri utama masyarakat Iranun; hidup berkelompok dan mempunyai hubungan sosial yang rapat dan erat.

Suku kaum Iranun bertutur dalam bahasa Iranun, yang menjadi bahasa ibunda dan bahasa harian di kalangan mereka. Namun demikian, mereka juga menggunakan bahasa Malaysia sebagai *lingua franca* untuk berhubung dengan suku-suku kaum lain, apatah lagi bahasa itu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Malah, sebelum merdeka, masyarakat Iranun sudah sedia menggunakan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dan bahasa perhubungan. Kini, bahasa Malaysia bukan lagi bertaraf bahasa perhubungan antara suku kaum, tetapi ada anggota masyarakat Iranun yang telah menjadikannya bahasa seharian mereka, di kalangan anggota keluarga sendiri.

Umumnya, kegiatan ekonomi masyarakat Iranun ialah bertani dan menangkap ikan. Persekitaran mencorakkan mereka bergiat dalam bidang kehidupan tersebut, yang menjadi punca sara hidup zaman-berzaman. Bagaimanapun, keadaan ini telah mulai berubah; mereka mulai menceburi pelbagai bidang pekerjaan terutamanya di kalangan generasi baru. Mereka mengalih perhatian kepada pekerjaan bergaji tetap di pejabat-pejabat kerajaan, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat swasta dan gedung-gedung perniagaan. Ini secara langsung mengubah cara hidup masyarakat Iranun; daripada masyarakat tani kepada masyarakat makan gaji.

Dari segi pegangan agama, keseluruhan anggota masyarakat Iranun adalah penganut agama Islam yang mereka warisi sejak di Mindanao lagi. Mengikut *tarsila* (salasilah) Iranun, mereka menerima Islam daripada seorang pendakwah keturunan Arab bernama Syarif Kabungsuwan. Malah, banyak anggota masyarakat Iranun yang kini berada di Sabah mendakwa bahawa mereka mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Syarif Kabungsuwan tersebut.

Syarif Kabungsuwan adalah putera Zainal Abidin dan isterinya, seorang puteri dari istana Johor. Beliau terdidik dalam bidang agama, lalu mengabdikan dirinya dengan menyebarkan syiar Islam. Syarif Kabungsuwan belayar mengharungi Laut Cina Selatan, akhirnya tiba ke tanah seberang. Beliau menjejakkan kaki di Malabang, Mindanao pada tahun 1475, lalu mengorak langkah menyebarkan syiar Islam kepada penduduk tempatan, iaitu masyarakat Iranun. Islam diterima dengan rela oleh anggota masyarakat Iranun. Malah, Syarif Kabungsuwan sendiri diterima baik dalam masyarakat; beliau dijodohkan dengan seorang puteri Iranun, iaitu anakanda Datu Angintabu yang menjadi ketua masyarakat Iranun ketika itu.

Keturunan Syarif Kabungsuwan mewarisi tampuk pimpinan

masyarakat Iranun di Malabang. Oleh sebab beliau adalah keturunan dari istana Johor, maka institusi pemerintahannya di Malabang diangkat ke taraf kesultanan, dan kemudian berkembang membentuk beberapa kesultanan Iranun di Mindanao.

Perkembangan ini sekaligus menyebarluaskan Islam ke seluruh Mindanao, hingga akhirnya, seluruh masyarakat Iranun di Mindanao memeluk agama Islam. Dari sana, Islam terus tersebar hingga ke pulau-pulau lain di kepulauan Filipina.

Berbalik kepada persoalan masyarakat Iranun di Sabah, mereka tergolong sebagai satu golongan bumiputera di Malaysia. Walaupun ada kalangan yang masih mahu mengaitkan mereka dengan masyarakat Iranun di Mindanao, namun hubungan kekeluargaan di kalangan mereka telah terlalu jauh terpisah. Perpindahan mereka berlaku sejak lama dahulu, pada masa sebelum rantau ini dijajah oleh kuasa Barat. Tambahan pula, kedatangan mereka ke Sabah sama seperti penghijrahan besar masyarakat kepulauan Melayu yang lain hingga mereka tidak dapat dan tidak boleh dianggap sebagai pendatang lagi. Masyarakat Iranun tergolong dalam kumpulan rumpun bangsa Melayu yang mendiami kepulauan Melayu ini.

Dalam sejarah Filipina, ada catatan tentang satu peristiwa yang dapat dijadikan asas untuk membuktikan bahawa orang Iranun memang berasal dari Pulau Borneo sendiri. Peristiwa itu berkait rapat dengan cara hidup orang Iranun, iaitu amalan *ngayau*. Melalui amalan ini, dicatat dalam sejarah awal Filipina bahawa dalam era penghijrahan besar, terdapat tiga kumpulan penghijrah dari rumpun Melayu, iaitu dari Indonesia, Pulau Borneo dan Tanah Melayu.

Gelombang penghijrahan pertama bermula pada kira-kira tahun 200 SM. Gelombang kedua berlaku selepas tahun 100 M hinggalah abad ke-13. Gelombang penghijrahan ketiga berlaku antara abad ke-14 hingga ke-16. Gelombang penghijrahan ketiga ini merupakan zaman penyebaran agama Islam di Nusantara. Menurut G.F. Zaide (1978:32), orang Melayu yang terlibat dalam gelombang penghijrahan ketiga ini terdiri daripada nenek moyang orang Moro yang ada kini. Moro adalah panggilan untuk beberapa kelompok bangsa di Filipina Selatan yang menganut agama Islam, seperti Iranun, Meranao, Maguindanao, Yakan, Badjao (Sama Laut), Jama Mapan (Sama Gagayan), Kalagan, Kolibugan, Molbog, Palawani, Samal dan Tausug. (Gowing, 1979: 2.)

Kajian tentang sejarah penghijrahan orang Melayu sebelum

zaman penjajahan Filipina oleh Sepanyol tidak menunjukkan adanya catatan tentang gelombang penghijrahan pertama tersebut. Berhubung dengan gelombang penghijrahan kedua, terdapat sedikit maklumat tentang adat resam yang terakam dalam cerita-cerita pengembaraan yang mengisahkan kedatangan orang Melayu dari Pulau Borneo, yang tersimpan di Panay. Malah ada maklumat tentang pembelian Pulau Panay pada abad ke-13. Gelombang penghijrahan ketiga pula dapat dilihat dengan agak jelas, iaitu serentak dengan kedatangan agama Islam seperti yang terakam dalam *tarsila* orang Moro.

Pada zaman Empayar Hindu-Melayu di gugusan kepulauan Melayu, terdapat riwayat yang mengisahkan pembelian Pulau Panay oleh 10 orang datu dari Pulau Borneo. Diriwayatkan bagaimana mereka berserta kaum keluarga dan hamba sahaya meninggalkan Pulau Borneo kerana melarikan diri daripada kezaliman Sultan Makatunaw. Mereka terdiri daripada Datu Puti, bergelar Menteri Sultan yang mengetuai angkatan Datu Bangkaya, Datu Dumangsol, Datu Paiburong, Datu Samakwel, Datu Padulinog, Datu Lubay, Datu Dumangsil, Datu Dumalodog dan Datu Balakasusa. Jika dilihat pada nama, maka jelas bahawa mereka adalah daripada keturunan Iranun, kerana nama-nama tersebut mengandungi makna yang khusus dalam bahasa Iranun.

Selain itu, pangkal nama mereka, iaitu *datu*, merupakan satu gelaran khusus bagi suku kaum Iranun dan Suluk. Dengan hal yang demikian, maka dapatlah dikatakan bahawa datu bersepuluh tersebut berasal daripada suku kaum Iranun. Tambahan pula, jika dilihat dari sudut penempatan kedua-dua suku kaum ini sekarang, jelas bahawa suku kaum Iranun mendiami Mindanao, satu kawasan yang hampir dengan Pulau Panay berbanding suku kaum Suluk yang mendiami kepulauan Sulu, yang lebih jauh ke selatan.

Berdasarkan maklumat di atas, maka sebarang keraguan tentang asal usul suku kaum Iranun, iaitu dari Pulau Borneo, tidak perlu dipersoalkan. Ini diperkuatkan dengan catatan sejarah asal usul penduduk Filipina, yang mengakui bahawa mereka terdiri daripada gabungan penduduk yang datang dari gugusan kepulauan Melayu. Iranun tergolong ke dalam rumpun bangsa Melayu. Itulah juga yang menjadi alasan kenapa penulis-penulis Barat mengelompokkan semua suku kaum di kepulauan Melayu sebagai orang Melayu sedangkan mereka terdiri daripada pelbagai suku kaum yang mempunyai identiti tersendiri.